



**PEKELILING  
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT  
BIL. 10 TAHUN 2014**

---

**PELEKAT NOMBOR ADUAN  
PENGENDALI BERLESEN BAS EKSPRES DAN PEMEGANG LESEN BAS PERSIARAN  
DI DALAM DAN DI LUAR KENDERAAN**

**TARIKH: 4 Julai 2014**

## **1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa semua pengendali berlesen bas ekspres dan pemegang lesen bas persiaran (“Pengendali Bas dan Pemegang Lesen”) perlu mempamerkan nombor talian aduan masing-masing di dalam dan di luar kenderaan perkhidmatan awam kelas bas ekspres atau kenderaan pelancongan kelas bas persiaran (“Kenderaan”) mereka.

## **2. PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

- 2.1 Semua Pengendali Bas dan Pemegang Lesen diwajibkan untuk mempamerkan nombor talian aduan masing-masing di dalam dan di luar Kenderaan yang boleh dihubungi apabila Kenderaan beroperasi.
- 2.2 Nombor talian aduan Pengendali Bas dan Pemegang Lesen hendaklah dipamerkan dan dapat dilihat dengan jelas di dalam Kenderaan iaitu di bahagian hadapan, tengah dan belakang seperti di Lampiran 1.
- 2.3 Pengendali Bas dan Pemegang Lesen juga diwajibkan mempamerkan nombor talian aduan masing-masing di bahagian

luar belakang sebelah kanan Kenderaan seperti yang telah ditetapkan di Lampiran 2.

- 2.4 Pengendali Bas dan Pemegang Lesen juga diwajibkan untuk mempamerkan nombor talian aduan tersebut di atas tiket perjalanan yang dikeluarkan kepada penumpang.
- 2.5 Pengendali Bas dan Pemegang Lesen mesti memaklumkan S.P.A.D. dengan serta merta sekiranya terdapat sebarang perubahan nombor talian aduan mereka. Pelekat nombor talian aduan yang lama hendaklah ditukar dengan nombor talian aduan yang baru dalam masa 24 jam.
- 2.6 Keperluan mempamerkan nombor talian aduan Pengendali Bas dan Pemegang Lesen seperti yang dinyatakan di dalam perenggan 2.1 sehingga 2.5 Pekeliling ini dijadikan syarat lesen Pengendali Bas dan Pemegang Lesen.

### **3. KETIDAKPATUHAN**

- 3.1 Kegagalan mematuhi mana-mana syarat lesen seperti yang ditetapkan di dalam Pekeliling ini boleh dikenakan tindakan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.

#### 4. TARIKH KUATKUASA PEKELILING

Arahan-arahan dan perkara-perkara yang dinyatakan di dalam Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 15 Julai 2014.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**




**MOHD NUR ISMAL BIN MOHAMED KAMAL**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

## LAMPIRAN 1

### PELEKAT TALIAN ADUAN PENGENDALI BERLESEN KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM KELAS BAS EKPRES DAN PEMEGANG LESEN KENDERAAN PELANCONGAN KELAS BAS PERSIARAN (BAHAGIAN DALAM)

- A. Contoh pelekat talian aduan di bahagian hadapan, bahagian tengah dan bahagian belakang di dalam Kenderaan



#### Spesifikasi pelekat talian aduan:

- i. Jenis tulisan : Arial Black
- ii. Saiz tulisan : 52
- iii. Warna latar belakang : Putih
- iv. Warna tulisan : Hitam
- v. Saiz : 35 cm x 14 cm

a.) Bahagian hadapan



b.) Bahagian tengah



## LAMPIRAN 1


c.) Bagian belakang



## LAMPIRAN 2

### PELEKAT TALIAN ADUAN PENGENDALI BERLESEN KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM KELAS BAS EKPRES DAN PEMEGANG LESEN KENDERAAN PELANCONGAN KELAS BAS PERSIARAN (BAHAGIAN LUAR)

#### B. Contoh pelekat talian aduan bahagian belakang luar Kenderaan



#### Spesifikasi pelekat talian aduan:

- i. Jenis : Arial Black
- ii. Saiz tulisan : 95
- iii. Warna latar belakang : Putih
- iv. Warna tulisan : Hitam
- v. Saiz : 60cm x 22cm

#### b.) Bahagian luar belakang Kenderaan



- Di bahagian luar sebelah kanan belakang Kenderaan.
- Sekiranya terdapat halangan atau ketidaksesuaian menampal pelekat di bahagian luar belakang sebelah kanan badan Kenderaan, ianya hendaklah ditampal di mana-mana bahagian luar belakang badan Kenderaan yang sesuai dan mudah dilihat sepenuhnya.